

11 September 2023

SIARAN MEDIA
Untuk Hebahan Segera



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA LANCAR TABUNG KECEMASAN, BANTU PENDUDUK MAGHRIBI

Bangi - Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) hari ini melancarkan tabung kecemasan 'Morocco Earthquake' dengan sasaran dana sebanyak RM200,000.

Ketua Pegawai Eksekutif IR Malaysia, Mohd Shukor Tahir berkata, dana tersebut akan disalurkan ke ibu pejabat Islamic Relief (IR) untuk digunakan bagi membantu penduduk Maghribi yang terjejas akibat gempa bumi yang berlaku pada 8 September 2023.

"Pada ketika ini, seluruh pejabat pengumpulan dana IR sedang giat menjalankan kempen bantuan untuk Maghribi bagi mengumpul dana dan membantu mereka yang terjejas di sana.

"Melalui maklumat yang kami terima daripada pasukan IR yang berada di lokasi kejadian, antara keperluan mendesak ketika ini adalah makanan, tempat perlindungan dan penjagaan kesihatan.

"Justeru, IR Malaysia menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang untuk menyokong usaha ini dan menyumbang kepada tabung kecemasan 'Morocco Earthquake' demi kelangsungan hidup mereka," katanya.

Gempa bumi bermagnitud 6.8 yang melanda Maghribi pada Jumaat malam telah mengorbankan lebih 2,000 nyawa dan angka ini dijangka akan terus meningkat dari masa ke masa.

Kejadian itu telah mengakibatkan kemusnahan pada jalan raya dan bangunan termasuk di Tapak Warisan Dunia UNESCO di bandar bersejarah Marrakech.

Sebagai tindak balas terhadap bencana ini, IR telah berada di lapangan sejak hari kedua kejadian bagi meninjau dan membuat penilaian mengenai keperluan semasa serta bekerjasama dengan pihak berkuasa dan NGO tempatan untuk menyampaikan bantuan.

Secara global, IR melancarkan tabung rayuan kecemasan bernilai RM58.5 juta dan sumbangan akan dikumpulkan melalui pejabat-pejabat IR seperti IR UK, IR USA, IR Canada, IR Australia, IR Spain dan lain-lain termasuk IR Malaysia.

IR mempunyai pengalaman yang meluas dalam menangani bencana di seluruh dunia. Dalam kejadian gempa bumi yang melanda Turkiye dan Syria pada Februari 2023, IR telah membantu lebih daripada 1 juta orang melalui pelbagai bentuk bantuan.

Orang ramai yang ingin menyumbang untuk 'Morocco Earthquake' boleh berbuat demikian di laman sesawang www.islamic-relief.org.my atau hubungi 03-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

- TAMAT -

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjana dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.
Untuk keterangan lanjut, hubungi Zafirah Zahari di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my